

# **PROGRAM PEMULIHAN AKHLAK REMAJA DELINKUEN DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK DI MALAYSIA**

**(Moral Rehabilitation Program for Delinquent Adolescents at Moral Rehabilitation Centers in Malaysia)**

<sup>1</sup>Mariam Abd. Majid, <sup>2</sup>Zainab Ismail, <sup>1</sup>Aisyah Humairak Abdul Rahman,

<sup>1</sup>Abur Hamdi Usman, <sup>1</sup>Noraini Mohamad, <sup>1</sup>Noor Hafizah Mohd Haridi,

<sup>1</sup>Nurzatil Ismah Azizan, <sup>3</sup>Gazali Gazali.

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, MALAYSIA

<sup>2</sup>Dar al-Hikmah, Kajang, Selangor, Malaysia

<sup>3</sup>Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Bukit Tinggi, INDONESIA.

Corresponding Author's Email: mariam@kuis.edu.my

**Article History:** Received 22 Februari 2022, Revised: 12 Mei 2022, Accepted 10 June 2022

## **ABSTRAK**

Pelbagai program dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan bertujuan memulihkan akhlak remaja yang terlibat dengan perlakuan delinkuen. Trend peningkatan bilangan kemasukan para pelatih dalam kalangan remaja ke pusat-pusat pemulihan akhlak memberi indikator keperluan tumpuan diberikan terhadap usaha pemulihan akhlak. Artikel ini bertujuan mengemukakan program-program pemulihan akhlak remaja delinkuen yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia. Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan eksploratori. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa struktur. Seramai empat orang informan dipilih dari tiga kategori pusat pemulihan akhlak iaitu pusat pemulihan kelolaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM), pusat pemulihan kelolaan Majlis Agama Islam Negeri dan pusat pemulihan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mereka dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Data yang diperoleh daripada temu bual dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Hasil kajian mendapati program-program pemulihan akhlak yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak memberi penekanan terhadap aspek pemantapan kerohanian dan keagamaan, penyediaan slot bimbingan kaunseling dan motivasi serta kelas kemahiran dan akademik. Program yang dijalankan ini memberi implikasi positif khususnya dalam usaha pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia.

**Kata Kunci:** Program Pemulihan Akhlak, Remaja Delinkuen, Pusat Pemulihan Akhlak Malaysia

## **ABSTRACT**

Various programs are implemented in rehabilitation centers aimed at restoring the morals of teenagers involved in delinquent behavior. The trend of increasing the number of trainees among teenagers entering moral rehabilitation centers indicates the need to focus on moral rehabilitation efforts. This article aims to present the moral rehabilitation programs for

*delinquent teenagers implemented in moral rehabilitation centers in Malaysia. The design of this study is an exploratory survey study. Data collection was done through semi-structured interviews. A total of four informants were selected from three categories of moral rehabilitation centers which are rehabilitation centers managed by the Malaysian Prisons Department (JPM), rehabilitation centers managed by the State Islamic Religious Council and rehabilitation centers managed by Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). They were selected using purposive sampling. The data obtained from the interviews were analyzed using a thematic approach. The results of the study found that moral rehabilitation programs carried out in moral rehabilitation centers emphasize the aspects of spiritual and religious strengthening, the provision of counseling and motivational guidance slots as well as skills and academic classes. The program carried out has positive implications, especially in the moral rehabilitation of delinquent teenagers in moral rehabilitation centers in Malaysia.*

**Keywords:** Moral Rehabilitation Program, Delinquent Youth, Moral Rehabilitation Center Malaysia

## **1.0 PENDAHULUAN**

Golongan remaja merupakan aset modal insan negara dan berperanan besar mencorak masa hadapan negara sama ada dari aspek ekonomi, kemasyarakatan dan politik (Absha Atiah & Mohd Isa, 2019). Umur remaja dikategorikan dalam lingkungan 10 hingga 18 tahun. Pada zaman peringkat remaja, diri mengalami perubahan dari segi fizikal, emosi ataupun sosial (Nik Nursyairah & Mohd Nasir, 2018). Perubahan ini menyebabkan golongan remaja berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya mudah terdedah dengan konflik dalam diri dan persekitarannya. Ketidakupayaan mereka mendepani cabaran-cabarannya dihadapi ini menyebabkan sebahagian remaja tersilap langkah sehingga membawa mereka terjebak dalam perlakuan delinkuen (Aziz, Nen, Hoesni, & Manap, 2019).

Istilah delinkuen merujuk kepada tingkah laku jenayah yang membabitkan golongan muda, remaja atau kanak-kanak yang bertentangan dengan perundangan sesebuah Negara. Adib et al., (2019) mentakrifkan delinkuen sebagai tingkah laku tidak bermoral atau salah laku yang berlawanan dengan norma-norma masyarakat sama ada dilakukan oleh pelajar sekolah atau golongan remaja. Sri Hartati (2018) mendefinisikan delinkuen dengan kecenderungan seseorang remaja melakukan tindakan yang melanggar peraturan sehingga mengakibatkan kerugian dan kerosakan baik terhadap diri sendiri mahu pun orang lain. Kebiasaan golongan remaja terjebak dalam jenayah harta benda seperti kecurian, pecah rumah dan pergaduhan. Isu ini

tidak boleh dipandang ringan kerana permasalahan jenayah dalam kalangan remaja yang berlaku hari ini jika tidak dibendung boleh menjurus kepada jenayah yang lebih berat antaranya kes bunuh, rompak, dan rogol.

Remaja yang terlibat dengan tingkah laku delinkuen boleh mengakibatkan mereka dikenakan hukuman undang-undang (Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Nasir Selamat & Azizah Othman, 2021). Menurut Kanun Jenayah (Akta No. 574), individu bertanggungjawab terhadap jenayah yang dilakukan adalah di antara umur 10 tahun sehingga bawah 18 tahun. Di Malaysia, perlakuan berkaitan golongan remaja dirujuk dalam Akta Kanak-Kanak 2001 kerana golongan remaja termasuk dalam kategori individu di bawah umur 18 tahun (Mustafa, Bakar, Basri, & Usman, 2021; Zaki & Nen, 2020).

Menurut Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri (2018), masyarakat hari ini dicemari pelbagai bentuk kerosakan akhlak dan mengalami keruntuhan akhlak pada tahap bahaya. Golongan remaja merupakan antara golongan yang berisiko tinggi terlibat dalam permasalahan salah laku sosial. Isu penglibatan golongan remaja dalam permasalahan akhlak atau perlakuan delinkuen ini menjadi 'global issue' di seluruh dunia. Beberapa faktor dikenal pasti mempengaruhi penglibatan remaja dengan salah laku delinkuen antaranya ialah ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, persekitaran, dan media massa (Hasbullah, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi, 2020).

Menurut Noor Hafizah et al., (2020), pengabaian terhadap isu penglibatan remaja dalam salah dalam laku akhlak mengakibatkan golongan remaja ini terus melakukan jenayah sehingga berani melakukan jenayah yang lebih berat seperti membunuh, merompak dan merogol. Sehubungan itu, usaha pemulihan golongan remaja yang terlibat dalam perlakuan delinkuen ini perlu dilaksanakan dengan segera agar tidak berleluasa sehingga menjadi barah dalam masyarakat.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Menurut statistik bagi Kemasukan Tahanan ke Pusat Pemulihan Akhlak, Pusat Pemulihan Khas dan Tempat Tahanan Khas Jabatan Penjara 2015 hingga 2017 terbahagi kepada tiga kategori yang berbeza iaitu Pusat Pemulihan Akhlak (LLPK), Pusat Pemulihan Khas (PPK) dan Tempat Tahanan Khas (TTK). Kemasukan ke Pusat Pemulihan Akhlak pada 2017 meningkat secara mendadak dengan catatan sebanyak 1,149 orang lelaki warganegara dan 49

orang wanita warganegara berbanding dengan tahun 2015 hanya seramai 250 orang lelaki warganegara dan 22 orang perempuan warganegara. Bagi kategori Pusat Pemulihan Khas pula, pada tahun 2015 direkodkan sebanyak 182 orang lelaki warganegara dan diikuti seorang wanita warganegara. Tetapi pada 2017 berlaku peningkatan hanya bagi lelaki warganegara dengan berjumlah 253 orang dan bagi wanita warganegara kekal dengan catatan hanya seorang. Seterusnya, Tempat Tahanan Khas pada tahun 2017 hanya lelaki warganegara sahaja mempunyai rekod iaitu seramai empat orang berbanding tahun 2015 yang tiada catatan direkodkan. Statistik ini menunjukkan bagi kemasukan Tahanan ke Pusat Pemulihan Akhlak merupakan kategori yang mempunyai skor tertinggi dari tahun 2015 hingga tahun 2017 berbanding dengan kategori yang lain (Norsahida et al., 2021).

Di Malaysia, program pemulihan akhlak dijalankan melalui dua platform iaitu sama ada di institusi atau dalam komuniti (Ibrahim, Mansor, & Yusoff, 2020). Program pemulihan akhlak pelatih kanak-kanak atau remaja dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan ditubuhkan oleh pihak persendirian, badan bukan kerajaan, swasta dan kerajaan (Nursyahidah, Nurul Husna & Yusmini, 2020). Program-program pemulihan akhlak di pusat-pusat pemulihan kelolaan kerajaan dilaksanakan menerusi sistem persekolahan seperti Sekolah Tunas Bakti di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Sekolah Henry Gurney di bawah kelolaan Jabatan Penjara Malaysia.

Pelbagai kesalahan salah laku delinkuen dilakukan oleh sebahagian golongan remaja. Menurut Absha Atiah dan Mohd. Isa Hamzah (2019), jenis kesalahan di pemulihan akhlak remaja di Negeri Selangor adalah sebanyak 27.1% remaja terlibat dengan keganasan, 48.6% terlibat dengan salah laku seks, 7.1% terlibat dengan salah guna dadah serta 17.1% pula terlibat dengan lain-lain masalah sosial. Data ini menunjukkan remaja di pusat pemulihan akhlak yang terlibat dalam kes salah laku seks adalah yang tertinggi berbanding kes-kes kesalahan yang lain (Mariam, Nurul Zafirah & Shahrulanuar, 2019). Penglibatan remaja dengan pelbagai gejala jenayah atau delinkuen semakin serius dan sangat membimbangkan. Laporan Akhbar Utusan Malaysia (2016) pula merekodkan seramai 13,359 remaja di seluruh Malaysia yang terlibat dengan salah laku disiplin berat dan berunsur jenayah.

Laporan statistik pada tahun 2017 oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mendapati sebanyak lebih 1300 kes penyalahgunaan dadah melibatkan remaja berbangsa Melayu dan masih bersekolah. Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat mencatatkan jumlah keseluruhan kes kanak-

kanak atau remaja yang terlibat dengan salah laku ialah seramai 5,294 orang. Terdapat 5,004 kesalahan yang melibatkan remaja lelaki manakala selebihnya 209 kesalahan adalah daripada kalangan remaja perempuan. Jumlah kesalahan yang dilakukan remaja lelaki lebih ramai berbanding remaja perempuan dan kanak-kanak atau remaja yang disabitkan dengan kesalahan ini berumur di antara 10 hingga 21 tahun (Sudi et al., 2021; Wazir et al., 2019; Wazir et al., 2020).

Ketua Polis Johor, Datuk Ayob Khan berkata dalam laporan berita Sinar Harian pada 2 Disember 2020 mengemukakan antara kesalahan indeks jenayah membabitkan pelajar paling tinggi adalah kes curi motosikal, lain-lain kecurian, mencederakan orang, pecah rumah, rogol dan samun. Sebanyak 95 peratus adalah pelajar lelaki, manakala lima peratus pelajar perempuan. Pelaku jenayah dalam kalangan remaja sekolah berusia di antara 13 hingga 18 tahun iaitu di peringkat sekolah menengah (Omar Ahmad, 2020).

Tingkah laku delinkuen merangkumi kesalahan dan jenayah yang dilakukan terhadap tiga perkara. Pertama, kesalahan ke atas individu contohnya memukul dan meragut. Kedua, jenayah ke atas harta benda contohnya vandalisme. Ketiga, melanggar peraturan awam seperti memiliki dan mengedar dadah atau bahan terlarang. Kes-kes yang direkodkan menunjukkan tahap penglibatan golongan remaja dalam gejala delinkuen yang kritikal ini sudah pasti mengundang kegusaran pihak ibu bapa, sekolah, masyarakat dan kerajaan. Masalah delinkuen dalam kalangan remaja ini perlu dicegah dan ditangani oleh semua pihak dan lapisan masyarakat dengan segera melalui kaedah berkesan antaranya pelaksanaan program intervensi (Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Nasir Selamat & Azizah Othman, 2021).

Pelbagai kaedah-kaedah dilaksanakan bertujuan mengelakkan permasalahan akhlak dalam kalangan remaja terus berlaku sehingga mengakibatkan kesan buruk kepada diri sendiri, bangsa dan negara. Negara Barat seperti United Kingdom, Britain, Kanada dan Australia mengaplikasikan beberapa kaedah efektif dalam pemulihan moral kepada pelatih kanak-kanak antaranya kaedah terapi keluarga multi-dimensi. Pelaksanaan pendekatan kaedah terapi keluarga multi-dimensi ini melibatkan keperluan penyertaan keluarga pelatih khususnya dan semua anggota masyarakat amnya. Penekanan terhadap aspek sumber dan pelaksanaan program pemulihan dititikberatkan bagi mencapai keberkesanan program pemulihan yang dirancang. Aspek sumber dan pelaksanaan program dimaksudkan ialah kemudahan fizikal,

sumber manusia, kemahiran serta sikap pelaksana program pemulihan, aktiviti serta proses pengajaran dan penilaian. Kesemua elemen ini menjadi pemacu dalam pelaksanaan sesebuah program pemulihan etika (Hezzrin et al, 2016). Pusat-pusat pemulihan diwujudkan bertujuan menempatkan golongan remaja yang terlibat dengan gejala delinkuen. Usaha ini penting dilakukan bertujuan melindungi dan memulihkan golongan remaja yang terlibat dalam gejala delinkuen dan memastikan agar tidak terjebak kembali melakukan kesilapan yang sama. Program pemulihan akhlak remaja di pusat pemulihan ini dilaksanakan bertujuan membantu remaja mengikis amalan negatif yang wujud dan memupuk amalan positif dalam diri. Tumpuan program pemulihan akhlak menjurus terhadap pembentukan semula akhlak dan tingkah laku pelatih melalui pengisian dan modul pemulihan yang dirangka.

Menurut kajian Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor (2019), program-program kerohanian dan pengisian akhlak yang dilaksanakan terhadap golongan remaja delinkuen berupaya menyumbang terhadap beberapa perubahan positif kepada pelatih. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti program-program pemulihan akhlak yang dilaksanakan bagi remaja delinkuen di tiga pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

### **3.0 METODOLOGI**

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan eksploratori. Kajian tinjauan eksploratori ini dipilih khusus untuk memperdalam pengetahuan dan mencari idea baru mengenai program pemulihan akhlak remaja delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak. Kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian menerusi set soalan spesifik untuk mendapatkan data daripada pelatih kajian. Data turut diperolehi menerusi dokumentasi. Kaedah dokumentasi ini melibatkan kajian analisis terhadap bahan-bahan bercetak seperti jurnal, buku, artikel, prosiding, akhbar dan sebagainya. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan gambaran yang lebih mendalam terhadap kajian yang ingin dijalankan (Azman, Afaf, Muhammad Firdaus, Hussein' & Muhd Faiz, 2020). Analisis dokumen dalam kajian ini sebagai pengkuhan atau bukti kepentingan permasalahan dan isu remaja delinkuen di Malaysia.

Dapatkan bagi kajian menerusi kaedah temubual separa struktur diperolehi daripada empat orang informan iaitu pengetua, pegawai psikologi,

tenaga pengajar dan ketua unit agama di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia yang dipilih sebagai sampel. Pusat-pusat tersebut merupakan pusat pemulihan di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Penjara Malaysia (JPM) dan Majlis Agama Islam Negeri. Kesemua informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut:

**Jadual 1:** Pemilihan informan secara persampelan bertujuan

Informan	Sekolah/Kelas	Jawatan
Informan 1 dan 2	Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM)	Pegawai Psikologi & Ketua Unit Hal Ehwal Agama
Informan 3	Kelolaan Majlis Agama Islam Negeri	Tenaga Pengajar
Informan 4	Kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Pengetua

Teknik pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan memilih informan daripada kumpulan homogenous tetapi dapat memberikan maklumat yang pelbagai. Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkripsi temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang responden yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan diper mudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informan untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu bual.

Transkripsi temubual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar bebas yang mempunyai kelayakan dalam bidang yang dikaji, dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema. Jadual 2 merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

**Jadual 2:** Pakar dan kepakaran bagi tahap persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Akhhlak & Sahsiah, Pembangunan Remaja	1.00
2	Pakar B	Dakwah & Pembangunan Insan	1.00
3	Pakar C	Dakwah & Pembangunan Insan	0.72
Nilai K		0.90	

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema adalah berdasarkan pengiraan Cohen Kappa iaitu **0.90** dan berdasarkan kepada Jadual 3, nilai **k = 0.90** berada pada skala sangat baik.

**Jadual 3:** skala persetujuan cohen kappa

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat Lemah
0.00-0.20	Lemah
0.21-0.40	Sederhana Lemah
0.41-0.60	Sederhana
0.61-0.80	Baik
0.81-1.00	Sangat Baik

Sumber: Awatif, Norfaezah, Siti Nurhajariah & Idi Hamdi (2018)

Data kajian dalam artikel ini dianalisis secara transkripsi yang menghasilkan pembentukan tema-tema dalam dapatan kajian.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mengemukakan latar belakang bagi pusat pemulihan yang dipilih sebagai sampel kajian dan program pemulihan yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak remaja delinkuen di Malaysia.

### 4.1 Latar belakang Pusat Pemulihan

Berikut adalah latar belakang tiga kategori pusat pemulihan yang menjadi sampel kajian.

#### **4.1.1 Pusat Pemulihan Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia**

Pusat pemulihan ini merupakan sebuah institusi sekolah yang ditubuhkan di Malaysia pada tahun 1949 di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 [Akta 90] bagi menjaga pelatih di bawah umur 18 tahun. Sekolah ini berada di bawah penyeliaan Jabatan Penjara Malaysia (JPM) pada Bahagian Pengurusan Banduan (Seksyen Pemulihan & Rawatan) bermatlamat membantu perancangan serta pelaksanaan program pemulihan ke atas pelatih atau banduan. Lima penerapan elemen menjadi teras pemulihan di pusat pemulihan ini iaitu pengetahuan (knowledge), sikap (attitude), kemahiran (skill), kecerdasan (intelligence) dan kemanusiaan (humanity) (Hasnizam Hashim, Norman Zakiyy Choe Jen-T Chiang & Ramalinggam Rajamanickam, 2018). Institusi ini ditubuh khas bagi memperbaiki akhlak penghuni dilaksanakan dengan menitikberatkan dua bentuk latihan yang berlainan iaitu vokasional dan akademik. Sebahagian besar penghuni di pusat pemulihan meminati bidang vokasional berbanding bidang akademik (Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Nasir Selamat & Azizah Othman, 2021).

#### **4.1.2 Pusat Pemulihan Kelolaan Majlis Agama Islam Negeri**

Pusat pemulihan ini ditubuhkan di bawah pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) yang didaftarkan pada tahun 2000 dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan peraturan-peraturan Pertubuhan 1984. Ia merupakan salah satu pertubuhan yang berada di bawah Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Selangor. Objektif penubuhan pusat ini bertujuan; Pertama, menegakkan sistem perubatan dan pemulihan secara Islam untuk mengatasi masalah gejala sosial yang melanda masyarakat pada masa kini. Kedua, memberi perlindungan dan pembelaan kepada generasi muda Islam yang terjebak dengan anasir-anasir yang tidak sihat. Ketiga, menjalankan aktiviti serta program dakwah yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap bahayanya keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Keempat, bekerjasama dengan semua pihak sama ada daripada agensi kerajaan mahupun swasta serta badan-badan kesukarelawan bagi menangani masalah gejala sosial yang melanda masyarakat dan negara. Kelima, menubuhkan pusat-pusat pemulihan secara Islam bagi merawat, memulihkan dan mendidik generasi umat Islam yang terjebak dengan gejala sosial supaya kembali ke pangkal jalan. Keenam, membuat kerja-kerja kebajikan umum bagi membantu masyarakat yang ditimpa bencana alam dan berbagai masalah kehidupan.

#### **4.1.3 Pusat Pemulihan Kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Pusat ini merupakan sebuah institusi yang ditubuhkan atau ditetapkan sebagai tempat tinggal bagi kanak-kanak yang dikehendaki tinggal di situ di bawah seksyen 61 (Asrama Akhlak) Akta Kanak-Kanak 2001. Pusat ini merupakan asrama yang khusus menempatkan penghuni perempuan sahaja. Objektif pusat ini ditubuhkan adalah untuk memberi pemulihan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah (perintah percubaan) dan tidak terkawal. Di samping itu juga ingin mendidik kanak-kanak untuk membina sikap yang positif, membentuk peribadi dan sahsiah yang kukuh dalam diri supaya mereka dapat menyesuaikan diri untuk hidup berdikari dalam masyarakat.

#### **4.2 Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia**

Dapatan berikut menjelaskan mengenai program pemulihan yang dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan akhlak di Malaysia dalam membentuk, membangun dan memulihkan jati diri remaja delinkuen.

##### **4.2.1 Modul Kerohanian dan Keagamaan**

Program pemulihan di pusat pemulihan akhlak dilaksanakan menerusi modul kerohanian dan keagamaan yang diwujudkan. Modul pemulihan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dilaksanakan di bawah program pembangunan diri melalui modul yang dinamakan dengan Modul Putra. Modul ini dilaksanakan dalam tiga fasa fasa iaitu fasa orientasi, fasa kemahiran dan fasa kemahiran luar. Fasa-fasa ini dijelaskan oleh informan 2 yang menyatakan:

*“Fasa pertama, orientasi. Fasa kedua iaitu kemahiran yang dipecahkan daripada pecahan kluster. Dan fasa terakhir sekali adalah kemahiran luar”* (Informan 2).

Aspek pelaksanaan modul secara berfasa ini turut dinyatakan oleh informan 1 bahawa:

*“Dia ada berfasa-fasa. Setakat ni di Telok Mas pun mengamalkan Modul Putra. Fasa pertama, bila dia (pelatih) datang di sini kita ada buat orientasi, pengenalan iaitu sedikit temuramah berkaitan latar belakang pendidikan, sosial, kesihatan, keluarga dan dari situ kita akan buat ujian psikologi”* (Informan 1).

Isi kandungan modul dalam program kerohanian dan keagamaan yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Penjara Malaysia ini memberi penekanan terhadap aspek mengenal Allah SWT serta pelaksanaan solat. Menurut informan 1:

*“Pada kami sendiri adik-adik ni asalkan dia boleh jaga diri dia dan paling penting bagi yang beragama Islam kita harap dia kenal Tuhan dulu yang paling penting. Sebab berdasarkan dapatan mostly adik-adik yang saya jumpa mereka ni tak solat. Kalau solat pun tak berapa tepat.... Jadi, banyak benda la berkaitan agama yang mana kita lihat dalam ni kita cuba bagi tahu balik, bantu balik”* (Informan 1).

Kenyataan ini menjelaskan usaha pusat pemulihan akhlak remaja memberi penekanan kepada pelatih agar mengenali pencipta iaitu Allah SWT dan pelaksanaan bimbingan amalan solat. Modul Putra yang diaplifikasi di pusat pemulihan ini melalui bimbingan perkara asas bagi pembangunan diri menerusi aktiviti kawad, bimbingan asas agama, kenegaraan, disiplin serta lagu patriotik. Menurut informan 2:

*“Dia ada 3 fasa sahaja dalam Modul Putra. Pertama, orientasi. Di sana kita akan mengajar dia (pelatih) benda yang asas. Bagaimana nak membentuk jati diri dia terutama disiplin sebab tu kita ada kawad, asas agama untuk dia rujuk, kenegaraan, disiplin dan lagu negaraku”* (Informan 2).

Kenyataan informan 2 ini menjelaskan pelbagai program dijadikan platform bagi pembentukan jati diri remaja delinkuen ini. Keberkesanan program pemulihan memerlukan komitmen dalam usaha pengisian ilmu pengetahuan terutama ilmu-ilmu agama. Menurut informan 1;

*“Jadi, pada saya kita bagi pengetahuan pada mereka la, sebab pengetahuan ni akan bantu untuk naikkan diri dia. Dan apa yang saya lihat kalau kita pimpin adik-adik ni kepada agama, they are more stronger. So, kerohanian itu bila diisi proses pemulihan tu akan lebih efektif”* (Informan 1).

Ilmu pengetahuan sangat penting dalam usaha membangun jati diri remaja delinkuen terutama ilmu agama. Program pemulihan akhlak ini adalah mandatori dan setiap pelatih perlu mengikuti modul pemulihan ini sehingga selesai tempoh pemulihan sebelum menjalani proses pengintegrasian semula ke dalam masyarakat. Menurut informan 1 dan 2,

*“Kita ada juga pelan pembangunan Program Pembangunan Insan (PPI), program-program yang dijalankan oleh PPI. Di sini juga kita ada buat assessment psikologi yang lain dan ada banyaklah”* (Informan 1 dan 2).

Usaha pemulihan akhlak remaja delinkuen turut dilaksanakan di pusat-pusat pemulihan persendirian kelolaan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Program pemulihan yang dijalankan di MAIN berdasarkan modul kerohanian dan keagamaan yang disediakan. Para pelatih dibimbing oleh pegawai penjara yang dilantik serta berkebolehan dalam mengajar para pelatih. Modul yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak remaja ini

dinamakan sebagai Modul 5B. Informan 3 menjelaskan bahawa program yang dilaksanakan kepada pelatih adalah berpandukan Modul 5B. Program yang dilaksanakan kebanyakannya adalah difokuskan kepada elemen kerohanian. Menurut informan 3, sebagai orang Islam sudah tentu segala yang dilakukan dan direncanakan harus berpaksikan kepada ajaran agama mengikut panduan yang Al-Quran dan hadis. Kenyataan informan 3;

*“60 persen ni adalah dengan 5B. Contoh aktiviti dengan rawatan assyifa, khamis malam jumaat memang satu malam tu berpuasa, ada qasidah, maulid nabi”* (Informan 3).

*“.... Pendekatan agama ni memang sangat perlu ditekanlah...”* (Informan 3).

Transkripsi di atas menerangkan bahawa program kerohanian dilaksanakan di pusat ini berpandukan kepada konsep 5B iaitu berubat, bertaubat, beribadah, bermujahadah dan berhijrah. Pelaksanaan program seperti bacaan Yasin pada malam Jumaat, berpuasa sunat hari Isnin dan Khamis, qasidah serta sambutan maulidur rasul turut diadakan di pusat ini.

Program pemulihan akhlak yang dilaksanakan di pusat pemulihan akhlak kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga memberikan penekanan kepada aspek keagamaan dan kerohanian. Ini membuktikan bahawa agama dan kerohanian merupakan teras paling penting dan utama dalam proses pembangunan jati diri remaja. Pelaksanaan kedua-dua program agama dan kerohanian di pusat pemuliharaan ini dijelaskan oleh informan 4 iaitu;

*“Di mana hari pertandingan untuk mereka sama ada berpuisi ke sajak ke apa-apalah tentang akhlak rasulullah tadi. Dari segi yang lain, contohnya pengajian al-quran di mana mereka juga diberi orang kata seperti majlis naik al-quran, kita ada pulut kuning kan yang kita buat kat kampung kita buat juga kat sini. Jadi, mereka seronok”* (Informan 4).

*“So far, kita teruskan juga qiamullail tu dan ada masanya kita ada program yang khas bersama kakitangan dan juga Ustaz dan Ustazah di sini, kita kata kebersamaan bersama mereka macam gitu...”* (Informan 4).

Kenyataan ini menjelaskan bahawa program-program agama dan kerohanian dilaksanakan turut dilaksanakan di pusat pemuliharaan kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti pertandingan sajak yang bertema Rasulullah SAW, majlis maulidur rasul, majlis khatam al-Quran, pertandingan sajak, puisi, qiamullail yang dilaksanakan bersama-sama dengan kakitangan dan mendapat sambutan pelatih. Program kerohanian dan keagamaan yang

dilaksanakan di pusat pemulihan ini berkesan membawa perubahan bagi remaja delinkuen kepada kebaikan sekali gus menjadi hamba Allah yang beriman serta bertakwa. Ini sejajar dengan dapatan Noor Hafizah et.al (2019) menyatakan bahawa salah satu faktor dikenalpasti dapat menyumbang kepada perubahan akhlak remaja bermasalah ialah melalui program keagamaan yang diadakan dan dilaksanakan. Ini jelas menunjukkan dengan melaksanakan aktiviti dan program kerohanian dan keagamaan sedikit sebanyak dapat membantu pelatih membudayakan nilai-nilai ajaran Islam dalam kehidupan serta lebih dekat dengan Allah SWT.

Hasil dapatan ini turut selaras dengan dapatan Khairul Hamimah dan Nurul Husna Mansor (2019) yang menyatakan bahawa tumpuan terhadap aspek akidah, aspek ibadah dan aspek akhlak mempunyai kekuatannya yang tersendiri dalam memastikan remaja menjauhi perbuatan tidak baik. Aktiviti-aktiviti kerohanian yang dilaksanakan adalah sangat penting bagi seseorang remaja untuk memahaminya agar dapat membina, membentuk dan membangun seseorang remaja tersebut seimbang dari segi emosi, jasmani, sahsiah, rohani dan intelek. Keseluruhan elemen kerohanian ini perlu sentiasa diterapkan dalam kehidupan seharian remaja.

#### **4.2.2 Program Bimbingan Kaunseling dan Motivasi**

Para pelatih di pusat pemulihan disediakan dengan program bimbingan dan kaunseling untuk bantu memberi panduan kepada para pelatih dalam proses pemulihan diri. Menurut informan 1:

*“... Kita akan akses dari segi psikologi. Kadang adik-adik yang masuk sini nampak ja luar dia tenang tapi dia ada masalah yang perlu dirujuk kepada psikiatrik.... Dia ada cabaran yang dia alami itu memberikan tekanan... jadi memang kita akan bantu, dan ada yang perlukan bantuan psikiatrik ...” (Informan 1).*

Kenyataan ini menjelaskan kepentingan program bimbingan dan kaunseling kepada pelatih. Dalam keadaan-keadaan tertentu, sebahagian pelatih memerlukan sesi bimbingan dan kaunseling yang dirujuk kepada pegawai kaunseling atau psikiatri semasa berada di pusat pemulihan. Keperluan bimbingan dan kaunseling ini penting kerana kebanyakan para pelatih di pusat pemulihan akhlak ini berada dalam kategori umur yang masih muda namun terpaksa berhadapan dengan kesulitan dan cabaran yang hebat dalam kehidupan. Sokongan moral dapat membantu mereka untuk bangkit semula menjalani kehidupan masa hadapan dengan kuat.

Selain program bimbingan kaunseling, pusat pemulihan juga ada menganjurkan kem motivasi bertujuan untuk memulihkan akhlak para pelatih. Menurut informan 3 berkata,

*“... Maknanya sebab kalau buat kem motivasi pun memang ini yang kami terapkan kepada anak-anak” (Informan 3).*

Kursus-kursus motivasi disediakan untuk para pelatih sebagai platform sokongan bagi menguatkan diri untuk merubah diri ke arah yang lebih baik. Khidmat bimbingan dan kaunseling biasanya dilaksanakan oleh mereka yang telah diberi tanggungjawab, autoriti atau kelayakan seperti kaunselor, pegawai psikologi, pakar motivasi, psikiatri dan sosiologi. Mereka merupakan individu yang bertanggungjawab untuk mengatur sesi pertemuan atau mengadakan program yang membantu mendapatkan khidmat nasihat bagi mengatasi kekurangan permasalahan mereka (klien) (Siti Hajar, Dharatun Nissa, Siti Nor Aisyah & Restu Nabila & Jeffery, 2019). Kehadiran kaunselor itu sentiasa dinantikan oleh para pelatih yang berfungsi sebagai pendengar serta penasihat kepada mereka juga sebagai tempat untuk mereka berkongsi dan bercerita segala rahsia dan rasa yang dipendamkan sepanjang menduduki di asrama.

#### **4.2.3 Penyediaan Kelas Kemahiran dan Akademik**

Pusat pemulihan akhlak remaja turut menyediakan kelas kemahiran dan akademik untuk diikuti oleh para pelatih. Kelas akademik disediakan bagi pelatih yang ingin meneruskan pembelajaran akademik mereka. Menurut infomen 1:

*“Kelas-kelas akademik disediakan bagi para pelatih yang mahu meneruskan pembelajaran akademik mereka di sini”.*

Sebahagian pusat pemulihan akhlak membenarkan para pelatih untuk pergi ke sekolah dengan pemantauan yang rapi. Menurut infomen 4:

*“Para pelatih dibenarkan untuk mengikuti kelas di sekolah bagi yang ingin meneruskan pembelajaran akademik”.*

Di samping kelas akademik, para pelatih disediakan kelas-kelas kemahiran sebagai alternatif. Menerusi temubual bersama informan 2 berkaitan penyediaan kelas kemahiran;

*“Dan dah habis kat situ dia akan beralih pula kepada fasa kedua iaitu kat situ kemahiran. Kemahiran yang daripada pecahan kluster. Kita ada kluster Pendidikan (yang ambik SPM dalam ni), kemudian kluster kesenian (dia ada pancaragam, busking,*

teater) dan apa-apa berkaitan kesenian. Kemudian kluster kemahiran bengkel (bersijil) seperti SKM tahap satu, dua, kemudian kluster agama (makluman daripada akademik kita ada sekolah agama JAIM (kerjasama antara institusi dan Jabatan Agama Islam Melaka) dan untuk yang ambil sekolah agama ni tahapnya rendah. Kemudian kluster sukan (mereka boleh sampai ke peringkat luar negeri dan ada yang mewakili Malaysia) untuk sukan-sukan yang kami sediakan di sini berpotensi besar seperti tinju, muay thai, dan angkat berat. Dan fasa terakhir sekali adalah kemahiran luar". (Informan 2).

Kenyataan ini menjelaskan bahawa kelas kemahiran adalah antara salah satu program yang perlu diikuti oleh para penghuni dan pelatih sepanjang berada di pusat pemulihan. Ilmu kemahiran penting dimiliki oleh pelatih. Kelas kemahiran dilaksanakan mengikut pembahagian kluster-kluster iaitu kluster pendidikan, kluster kesenian, kluster kemahiran bengkel, kluster sukan dan terakhir kluster kemahiran luar. Adalah dilihat, kemahiran antara merupakan antmenjadi fokus penting yang telah diprogramkan di pusat pemulihan. Menurut informan 3:

"Jadi 40 percent lagi adalah kemahiran jati diri" (Informan 3).

Keutamaan program kemahiran jati diri ini dibuktikan dengan pembahagiannya berbanding program-program kemahiran yang lain iaitu sebanyak 40 peratus program kemahiran yang dilaksanakan adalah memfokuskan kepada kemahiran jati diri.

Pihak pusat pemulihan juga menyediakan sebuah bilik jamming atau muzik serta satu buah bilik bilik gym. Menurut informan 4 beliau berkata,

"Ada masanya mereka diberi kebebasan duduk dalam bilik muzik tu nak menyanyi ke nak melalak ke terpulanglah. Kita beri juga mereka untuk bermain dengan piano ke guitar ke mereka suka benda tu dan tak boleh lari dari keadaan tu. Orang kata tanpa muzik mungkin kehidupan mereka akan suram kot. Jadi kita lihatlah wajah mereka tu ada satu kepuasan" (Informan 4).

Di samping pelaksanaan modul atau program kerohanian dan keagamaan, program bimbingan kaunseling dan motivasi, kelas kemahiran di pusat pemulihan dan aktiviti-aktiviti seni dan hiburan bertujuan menghiburkan para pelatih serta mengelakkan daripada kebosanan ketika pada waktu lapang. Program ini secara tidak langsung memberi peluang untuk mengasah bakat serta minat mereka untuk belajar teknik atau kaedah bermain dengan alat-alat muzik yang telah disediakan.

Fenomena hari ini sangat memerlukan pelaksanaan program-program pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat-pusat pemulihan yang efektif

menerusi pendekatan aspek sosio budaya dan pendidikan. Ianya penting sebagai usaha menyediakan bekalan bagi golongan remaja ini berhadapan dengan era globalisasi serta kehidupan pada abad 21. Sebaliknya, pengabaian terhadap pelaksanaan proses pemulihan akhlak ini boleh mengakibatkan peningkatan masalah gejala sosial dalam kalangan remaja bakal menjadi semakin serius dan tenat.

## **5.0 KESIMPULAN**

Program pemulihan akhlak remaja di Pusat Pemulihan Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sangat penting diberi tumpuan bertujuan membangun serta memulihkan akhlak remaja yang terlibat dengan salah laku delinkuen. Teras utama dalam pembangunan dan pembentukan jati diri perlu berlandaskan kepada agama Islam serta dikukuhkan menerusi program-program kerohanian dan keagamaan, bimbingan kaunseling dan motivasi serta kelas kemahiran dan akademik.

Sehubungan itu semua pihak perlu bertanggungjawab memainkan peranan dalam membentuk, membina, memulihkan, membangunkan dan mencorakkan jati diri remaja agar menjadi insan dan peribadi yang berkualiti, berdaya saing dan cemerlang dunia dan akhirat. Pengabaian terhadap program pembangunan pemulihan akhlak remaja delinkuen boleh mengakibatkan timbulnya ketidakstabilan dan gangguan kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara.

## **PENGHARGAAN**

Penghargaan diberikan kepada Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 2020. No. Geran: FRGS/1/2020/SS10/KUIS/01/1, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Pembentukan Model Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Malaysia Menurut Perspektif Islam’.

## **RUJUKAN**

- Absha Atiah Abu Bakar & Mohd. Isa Hamzah. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja dengan Masalah Sosial. *Jurnal Hadhari* 11(1), 1-17. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/jhadhari/article/view/32738>.

*Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia  
(Moral Rehabilitation Program for Delinquent Adolescents  
at Moral Rehabilitation Centers in Malaysia)*

- Adib EmirShafiq Sharifudin, Atikah Osman & Zuria Mahmud. (2019). Tingkah Laku Delinkuen Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN), Ogos 2019, 283-287.
- Awatif Abdul Rahman, Norfaezah Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md Isa & Idi Hamdi. (2018). Modul Pembelajaran Bahasa Arab Prasekolah: Suatu Analisis Keperluan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 5, Bil 1, 138-146. Retrieved from [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files8/jsass\\_vol5bil1\\_011\\_awatif.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files8/jsass_vol5bil1_011_awatif.pdf).
- Aziz, S., Nen, S., Hoesni, S. M., & Manap, J. (2020). Tingkah Laku Devian Dalam Kalangan Remaja Di Semenanjung Malaysia Berdasarkan Faktor Pemantauan Ibu Bapa, Komunikasi Ibu Bapa Dan Religiositi. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 93-101. <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/view/631>.
- Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein' Azeemi Abdullah Thaidi & Muhd. Faiz Abd. Shakor. (2020). Isu dan Cabaran Institusi Pondok Dalam Mendepani Wabak Covid-19 di Malaysia. E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020), 353-363. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6818>.
- Hasbullah Mad Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities* Vol 17, No 9, 75-89. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1359>.
- Hezzrin Mohd Pauzi, Nor Jana Saim, Norulhuda Sarnon@Kusenin & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). Faktor-Faktor Pelaksanaan Program Pemulihan Akhlak Yang Berkesan Untuk Pelatih Kanak-Kanak. *Journal of Social Sciences and Humanities, Special Issues* 2, 23-36.
- Ibrahim, N., Mansor, N. H., & Yusoff, Y. M. (2020). Bentuk-bentuk Pemulihan Akhlak bagi Pesalah Seks di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur: Classifications of Moral Rehabilitation for Sex Offenders in Malaysia: A Literature Review. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 1-23. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol48no2.1>.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2018. Laporan: Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat. Retrieved form [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay\\_statistik\\_v5\\_final.pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay_statistik_v5_final.pdf).
- Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. (2019). Kesediaan Remaja Hamil Luar Nikah terhadap Program Kerohanian di Pusat Perlindungan Wanita. *Jurnal Islamiyyat*, 41 (1), 59-68.

- Mariam Abd Majid, Nurul Zafirah Azman & Shahrulanuar Mohamed. (2019). Pemulihan Remaja Hamil Luar Nikah Menerusi Pendekatan Psikospiritual Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor. *Journal of Human Capital Development*, Vol. 14, No. 1, 135-154.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Mohd Nasir Selamat & Azizah Othman. (2021). *Delinkuensi Remaja: Isu, Intervensi & Pemulihan*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa, N., Bakar, A. L. A., Basri, M., & Usman, A. H. (2021). The Concept of Sad al-Dhara'i (Blocking the Means) Related to Preventive and Rehabilitation in Sexuality Education in Malaysia. *MENARA: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 74-92. <https://so06.tci-thaijo.org/index.php/M-JICI/article/view/252822>.
- Nik Nursyairah Nik Nordin & Mohd Nasir Selamat. (2018). Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*, Jilid 2 (1), 1-9.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Norsaleha Salleh & Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian Terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal Research in Islamic Studies*, Vol. 6, Special Issue, 87-98.
- Noor Hafizah Mohd Haridi, Rosfazila Abdul Rahman, Norsaleha Salleh, Khairul Hamimah Mohammad Jodi & Zainora Daud. (2020). Penerapan Elemen Modal Insan Terhadap Remaja Berisiko di Institusi Pemulihan Akhlak di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, Vol. 7, No. 1, 81-103.
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khr, Wan Munira Wan Jaafar, 2021, Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 6 (1), 106-118.
- Nurul Husna Mansor & Khairul Hamimah Mohamad Jodi. (2020). Program Pemulihan Akhlak Remaja Bermasalah: Kajian Terhadap Pengalaman Pelatih di Pusat Perlindungan Terpilih. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Vol 7, Bil 2, 219-234.
- Omar Ahmad. (2020, Jun 2). *Jenayah Pelajar Sekolah Membimbangkan*. Retrieved from Berita Harian: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/12/760676/jenayah-pelajar-sekolah-membimbangkan>.

*Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia  
(Moral Rehabilitation Program for Delinquent Adolescents  
at Moral Rehabilitation Centers in Malaysia)*

- Siti Hajar Johari, Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim, Siti Nor Aisyah Akhwan & Restu Nabila & Jeffery Apdal. (2019). Peranan Kaunselor dalam Menangani Masalah Ponteng Sekolah. International Journal of Supply Chain, Operation Management and Logistic, Vol 1, Issues 1.
- Sri Hartati. (2018). Pendekatan Kognitif Untuk Menurunkan Kecenderungan Perilaku Delinkuen Pada Remaja. Jurnal Menara Ilmu, Vol XII, Jilid 1. No. 79, 166-173.
- Sudi, S., Wazir, R., Salleh, N. M., Usman, A. H., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2021). Membentuk spiritual individu menurut hadis untuk pencegahan dadah: Moulding individual spirituality in accordance to hadiths for drug prevention. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 640-650. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.134>.
- Nasarudin Desa@Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. (2018). Menangani Keruntuhan Akhlak Masa Kini Menurut Islam. Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah, 3(1), 55-63. <https://spaj.ukm.my/jalturath/index.php/jalturath/article/view/62>.
- Wazir, R., Usman, A. H., Saleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2019). Hadis Targhib Dan Tarhib Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah. *HADIS*, 9(17), 48-64. <https://doi.org/10.53840/hadis.v9i17.56>
- Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Zakwan, R. S. (2020). Pendekatan Maqāmāt Abū ḥālib al-Makkī (W. 386 H.) dalam pencegahan dadah golongan berisiko. *HADIS*, 10(20), 585-596. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i20.90>.
- Zaki, N. I. M., & Nen, S. (2020). Pedofilia: Persepsi Dan Kebimbangan Ibu Bapa. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1-13. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/347>.

